

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2022

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Prof./Tuan/Puan,

**KEMUDAHAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KENDERAAN BAGI PEMANDU
DAN JURUIRING/ PENGIRING RAPAT/ PENGAWAL PERIBADI KEPADA PEGAWAI
PENGURUSAN TERTINGGI GRED JUSA B DAN KE ATAS SERTA SETARAF DI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan berkenaan Kemudahan Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan Bagi Pemandu Dan Juruiring/ Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi Kepada Pegawai Pengurusan Tertinggi Gred JUSA B Dan Ke Atas Serta Setaraf di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Kementerian Kewangan Malaysia melalui Pekeliling Perbendaharaan telah mengeluarkan pekeliling WP1.6 berkenaan Kemudahan Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan Bagi Pemandu Dan Juruiring/ Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi Kepada Anggota Pentadbiran Dan Pegawai Pengurusan Tertinggi Gred Jusa B Dan Ke Atas Serta Setaraf berkuasa mulai 1 April 2022.

- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 3/2022 yang bersidang pada 26 Jun 2022 bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan WP1.6 berkuatkuasa mulai tuntutan perjalanan bulan Mei 2022.

3.0 TAFSIRAN

Dalam Pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain iaitu:

- 3.1 “Elaun Perjalanan Kenderaan” ertinya kemudahan tuntutan yang diperuntukan kepada Pemandu dan Juruiring/ Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan kadar yang ditetapkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi;
- 3.2 “Juruiring/ Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi” ertinya pegawai yang dilantik untuk mengiringi Pegawai Pengurusan Tertinggi dan pegawai yang layak dibekalkan Juruiring/ Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi;
- 3.3 “Pengurus Bahagian” ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau mana-mana pegawai yang diwakilkan kuasa secara bertulis oleh Pengurus Bahagian untuk bertindak bagi pihaknya;
- 3.4 “Pegawai Pengurusan Tertinggi” ertinya pegawai Gred JUSA B dan ke atas serta setaraf dengannya;
- 3.5 “Pemandu” ertinya pemandu kepada Pegawai Pengurusan Tertinggi termasuk pemandu yang diarah menggantikan pemandu Pegawai Pengurusan Tertinggi dengan syarat mendapat arahan bertulis daripada Pengurus Bahagian; dan
- 3.6 “Waktu Bekerja Fleksi” ertinya waktu bekerja yang ditetapkan di dalam Pekeliling Pengurusan Bilangan 11 Tahun 2019 dan pindaannya.

4.0 SYARAT-SYARAT TUNTUTAN

Pemandu dan Juruiring/ Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi layak membuat tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 4.1 Tuntutan sekali sehari dalam tempoh waktu bekerja fleksi bagi perjalanan pergi dan balik dari rumah Pemandu dan Juruiring/ Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi ke rumah Pegawai Pengurusan Tertinggi;
- 4.2 Tuntutan adalah tertakluk kepada alamat rumah Pemandu dan Juruiring/ Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi dan alamat rumah Pegawai Pengurusan Tertinggi yang didaftarkan di dalam Sistem Maklumat Staf (SMStaf) Universiti;
- 4.3 Pemandu dan Juruiring/ Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi hendaklah menggunakan kenderaan persendirian;
- 4.4 Penggunaan pengangkutan awam dari rumah Pemandu dan Juruiring/ Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi ke rumah Pegawai Pengurusan Tertinggi dibenarkan dalam keadaan tertentu seperti kenderaan Pemandu dan Juruiring/ Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi mengalami kerosakan, keadaan-keadaan lain di luar kawalan Pemandu dan Juruiring/ Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi atau hari hujan (jika menggunakan motosikal);
- 4.5 Kadar Elaun Perjalanan Kenderaan dan Tambang Pengangkutan Awam adalah mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang sedang berkuatkuasa;
- 4.6 Tuntutan bayaran tol adalah dibenarkan; dan
- 4.7 Tuntutan hendaklah berdasarkan laluan lazim dan terdekat.

5.0 TANGGUNGJAWAB PENGURUS BAHAGIAN

Pengurus Bahagian hendaklah memastikan bahawa tuntutan yang dikemukakan oleh Pemandu dan Juruiring/ Pengiring Rapat/ Pengawal Peribadi adalah teratur, munasabah dan berpatutan serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling ini.

6.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tuntutan perjalanan bulan **Mei 2022**.


Kerjasama dari YBhg. Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memaklumkan penguatkuasaan pekeling ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

Yang benar,



.....
NORZAIMI BIN HAMISAN

Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

☎ 07-4537050

- s.k
- YBhg. Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - YBhg. Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh
 - Ketua Unit Audit Dalam